



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 10 JULAI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lelaki Danok dituduh seleweng petrol

ALOR SETAR – Seorang lelaki Thailand mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan memiliki 280 liter petrol tanpa lesen sah, minggu lepas.

Suwit Sake, 34, membuat pengakuan itu ketika pertuduhan tersebut dibacakan dalam bahasa Thai di hadapan Hakim Jean Sharmila Jesudason.

Mengikut pertuduhan, Suwit yang berasal dari Danok, Thailand dituduh memiliki petrol sebanyak 280 liter di tepi jalan berhampiran lampu isyarat simpang empat Jalan Laka Temin di Bukit Kayu Hitam, dekat sini pada pukul 3.50 pagi, 3 Julai lepas.

Barang kawalan berjadual itu ditemui dalam tangki tambahan di bahagian bawah kenderaan bernombor pendaftaran Thailand dipandu tertuduh dalam keadaan yang menimbulkan syak munasabah.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Mohd. Hilmi Abu Hassan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Hakim kemudian menetapkan wang jaminan sebanyak RM10,000 dengan dua penja-



SUWIT dituduh memiliki 280 liter petrol tanpa lesen sah di Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam.

min warganegara, selain memerintahkan tertuduh melaporkan diri setiap awal bulan di balai polis berdekatan.

Beliau turut menetapkan 19 Ogos sebagai tarikh sebutan semula kes tersebut selain membolehkan tertuduh melantik peguamnya.

Tiada kenaikan harga ais di Negeri Sembilan

Jelebu: Pemeriksaan dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan mendapati tiada kenaikan ais berlaku di negeri ini.

Pengarahnya Muhammad Zahir Mazlan berkata, pihaknya membuat pemeriksaan ke atas sebuah syarikat pengilang ais di

Seremban susulan berlaku dakwaan kenaikan harga ais sehingga 30 sen.

Katanya, pemeriksaan mendapati syarikat berkenaan tidak menaikkan harga ais dan ia masih dijual pada harga lama.

"Pemeriksaan ke atas lori yang digunakan bagi menghantar ais kepada pelanggan juga mendapati

ia sudah didaftarkan di bawah Skim Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

"Pengilang itu masih mengekalkan harga lama iaitu dari RM3 hingga RM3.15 bagi pek 15 kilogram selain belum mengeluarkan apa-apa kenyataan bagi menaikkan harga ais," katanya.

Menurutnya, KPDN tu-

rut memberi amaran kepada syarikat terbabit supaya tidak menaikkan harga ais tanpa sebarang alasan munasabah.

"Kita masih melakukan siasatan bagaimana berlaku kenaikan harga daripada RM4 sehingga RM4.50 seperti didakwa peniaga.

"Sekiranya peniaga me-

rasakan berlaku kenaikan harga oleh pembekal, kemukakan aduan kepada KPDN berserta resit pembelian," katanya.

Sebelum ini, kecoh di media sosial apabila ada peniaga mendakwa harga ais naik 30 sen menjadi harga belian terbaharu adalah RM4.30 berbanding RM4 sebelumnya.



Pengilang itu masih mengekalkan harga lama iaitu dari RM3 hingga RM3.15 bagi pek 15 kilogram selain belum mengeluarkan apa-apa kenyataan bagi menaikkan harga ais"

Muhammad Zahir

Lemon Law: Kerajaan tumpu penyelesaian pertikaian antara pengguna, syarikat automotif



ARMIZAN

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpukan penyelesaian pertikaian antara pengguna dan syarikat automotif dalam mewujudkan skim ombudsman khas untuk industri automotif di Malaysia.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ciri tersebut antara perkara diberi keutamaan dalam skim baharu yang bakal diwujudkan nanti.

"Untuk makluman Yang Berhormat juga, elemen penyelesaian pertikaian alternatif yang merupakan antara ciri utama dalam skim ombudsman kini sedang dirintis oleh KPDN sebagai kaedah penambahbaikan serta-merta dan langkah interim.

"Ini dilaksanakan melalui penubuhan Pasukan Rundingan Khas Berkaitan Aduan Kenderaan Bermotor di KPDN

sebagai pemudah cara bagi aduan pengguna berkaitan kenderaan bermotor di Malaysia berkuat kuasa mulai 1 Jun 2024.

"Kaedah yang digunakan adalah rundingan 'Tripartite' antara kementerian, pembeli kereta (pengguna) dan pengedar atau pengilang," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Ahmad Syahredzan Johan (**PH-Bangi**) di Kamar Khas Dewan Rakyat pada Selasa yang membahaskan tajuk 'Ombudsman Motor untuk Memastikan Keberkesanan Lemon Law'.

Menurut Armizan, melalui platform rundingan khas ini, disasarkan akan dapat mencari penyelesaian yang adil dan seimbang untuk semua pihak.

Ini sekali gus katanya, dapat mengurangkan kos dan tempoh pe-

nyelesaian sebagai alternatif kepada proses mahkamah dan tatacara perundangan lain.

Armizan dalam persidangan Dewan Rakyat minggu lalu memaklumkan kajian pewujudan perundangan berkaitan Lemon Law dijangka selesai pada bulan September ini.

Katanya, hasil kajian ini akan dijadikan asas pertimbangan dalam membuat keputusan dasar.

Lemon Law merujuk kepada undang-undang yang melindungi pembeli barang pengguna, khususnya kenderaan berkaitan produk yang berulang kali gagal memenuhi standard kualiti serta prestasi.

Undang-undang ini bagi memastikan pembeli boleh mendapatkan penggantian atau bayaran balik bagi produk yang dianggap 'lemon' atau produk cacat.

Kapal tunda, lori muatan diesel lebih RM800,000 dirampas

KEMAMAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu berjaya menumpaskan penyelewengan minyak diesel berjumlah 50,000 liter menerusi serbuan di sebuah jeti berdekatan Sungai Kuang, Chukai, di sini pada Selasa.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan pada jam 2 pagi itu adalah hasil risikan yang telah dilakukan selama sebulan.

"Sebuah kapal tunda dan lori tangki masing-masing dengan muatan minyak diesel 40,000 liter dan 10,000 liter telah berjaya dirampas.

"Hasil maklumat awal mendapati modus operandi sindiket ini adalah dengan membeli minyak diesel di tengah laut menggunakan kapal tunda.

"Minyak tersebut kemudiannya akan

dipindahkan ke lori tangki untuk dijual semula kepada pembeli di pasaran gelap," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di sini pada Selasa.

Saharuddin berkata, pemeriksaan lanjut mendapati kapal dan lori tersebut tidak memiliki sebarang permit atau surat kebenaran daripada Pengawal Bekalan untuk berurusan dengan barang kawalan iaitu minyak diesel.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM863,500," ujarnya.

Tambahnya, empat lelaki warga tempatan dan seorang warga Indonesia berumur lingkungan 30-an hingga 40-an ditahan bagi membantu siasatan.

Katanya, kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut sedang dijalankan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.



Saharuddin (tengah) ketika melakukan pemeriksaan di jeti berdekatan Sungai Kuang, Chukai, di Kemaman pada Selasa.

 Nota Di Sebalik Tabir
Bersama MERAK JALANAN

Peniaga durian jangan temberang sana sini

SETIAP kali musim durian, ada saja aduan atau ketidakpuasan hati pelanggan mengenai tindakan peniaga yang dikatakan mengambil kesempatan.

Ada yang meletakkan harga terlalu tinggi, tidak kurang juga menjual durian rosak serta tidak berkualiti.

Apa pun, isu paling menjengkelkan pelanggan, termasuk Merak Jalanan sendiri berkaitan taktik jualan atau pemasaran tidak jujur, khususnya membabitkan tanda harga.

Banyak kali juga Merak Jalanan serta ramai lagi pelanggan tertipu dengan tanda harga mengelirukan dipamerkan

segelintir peniaga durian tepi jalan.

Sebagai contoh, peniaga memamerkan tanda harga murah antara RM5 dan RM10 sekilogram, yang jelas menarik perhatian pelanggan. Namun, malang apabila pelanggan singgah di gerai terbabit, durian murah dikatakan sudah habis atau ketiadaan stok, sebaliknya hanya tinggal buah yang harganya jauh lebih mahal.

Rakan sepejabat Merak Jalanan memberitahu dirinya juga kerap tertipu dengan taktik sebegini.

Menurut beliau, biasanya dia tidak meneruskan hasrat membeli, namun ada

juga rakan yang 'pejam mata' beli durian mahal kerana sudah bersusah payah mencari tempat meletakkan kenderaan untuk ke gerai tersebut.

Perbuatan peniaga tidak jujur itu jelas tidak bertanggungjawab. Menyedihkan bukan sahaja pelanggan tertipu, malah peniaga durian yang jujur juga terkena tempias apabila turut dilabel sama seperti mereka.

Kesannya, pelanggan enggan singgah di gerai walaupun melihat tawaran harga murah yang betul kerana menganggap ia juga menipu.

Dalam isu ini, masyarakat perlu tahu

ada cara memastikan hak sebagai pengguna tidak dipermainkan sewenang-wenangnya oleh peniaga tidak jujur sebegini.

Andai ada kesalahan dikesan berkaitan tanda harga mencurigakan, jangan ragu-ragu membuat aduan kerana pelbagai saluran disediakan, khususnya oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dengan aduan dilakukan, sekurang-kurangnya peniaga tidak jujur itu sedar mereka tidak selamanya 'selamat' kerana ramai pengguna bijak luar sana ada untuk memerhatikan mereka.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 JULAI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Jul	405,300 liter diesel bersubsidi dirampas di Perak dari 2023 hingga Mei tahun ini	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/405-300-liter-diesel-bersubsidi-dirampas-di-perak-dari-2023-hingga-mei-tahun-ini	BERITA RTM
10-Jul	405,300 LITER DIESEL BERSUBSIDIRAMPAS DI PERAK DARI 2023 HINGGA MEI TAHUN INI	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2315604	BERNAMA
10-Jul	405,300 liter diesel bersubsidi dirampas di Perak	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/405300-liter-diesel-bersubsidi-dirampas-di-perak-478235	ASTRO AWANI
10-Jul	Lelaki Danok dituduh seleweng petrol	https://www.kosmo.com.my/2024/07/09/lelaki-danok-dituduh-	KOSMO
10-Jul	Lelaki Thailand didakwa miliki 280 liter petrol	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1269000/lelaki-thailand-didakwa-miliki-280-liter-petrol	BERITA HARIAN
10-Jul	Tiada kenaikan harga ais di Negeri Sembilan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1109294/tiada-kenaikan-harga-ais-di-negeri-sembilan	HARIAN METRO
10-Jul	Tempatkan pegawai statik kawal stesen minyak sempadan, elak seludup diesel	https://mgperak.com/tempatkan-pegawai-statik-kawal-stesen-minyak-sempadan-elak-seludup-	MALAYSIA GAZETTE PERAK
10-Jul	Lemon Law: Kerajaan tumpu penyelesaian pertikaian antara pengguna, syarikat automotif	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lemon-law-kerajaan-tumpu-penyelesaian-pertikaian-antara-pengguna-syarikat-automotif-478280	ASTRO AWANI
10-Jul	Lemon Law: Kerajaan tumpu penyelesaian pertikaian antara pengguna, syarikat automotif	https://www.sinarharian.com.my/article/674108/berita/nasional/lemon-law-kerajaan-tumpu-penyelesaian-pertikaian-antara-pengguna-syarikat-automotif	SINAR HARIAN

10-Jul	KPDN rintis Pasukan Rundingan Khas Aduan Kenderaan Bermotor	https://malaysiagazette.com/2024/07/09/kpdn-rintis-pasukan-rundingan-khas-aduan-kenderaan-bermotor/	MALAYSIA GAZETTE
10-Jul	KPDN perluas Ops Tiris 3.0 ke Pulau Ketam	https://www.sinarharian.com.my/article/674103/berita/semasa/kpdn-perluas-ops-tiris-30-ke-pulau-ketam	SINAR HARIAN
10-Jul	Terengganu KPDN seizes tugboat, tanker filled with 50,000 litres of diesel	https://thesun.my/local-news/terengganu-kpdn-seizes-tugboat-tanker-filled-with-50000-litres-of-diesel-LM12698157	THE SUN
10-Jul	KPDN TERENGGANU RAMPAS KAPAL TUNDA, LORI TANGKI BERISI 50,000 LITER DIESEL	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2315734	BERNAMA
10-Jul	KPDN rampas 50,000 liter diesel cuba dijual di pasaran gelap	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1109468/kpdn-rampas-50000-liter-diesel-cuba-dijual-di-pasaran-gelap	HARIAN METRO
10-Jul	KPDN rampas kapal tunda seleweng minyak diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/674110/berita/semasa/kpdn-rampas-kapal-tunda-seleweng-minyak-diesel	SINAR HARIAN
10-Jul	Kerjasama strategik SME Corp. Malaysia, SSM peringkat keberkesanan Program TUBE	https://www.sinarharian.com.my/article/674087/berita/nasional/kerjasama-strategik-sme-corp-malaysia-ssm-pertingkat-keberkesanan-program-tube	SINAR HARIAN
10-Jul	ADAM RALAN KEMUKA REPRESENTASI BERHUBUNG PERTUDUHAN RASUAH, PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2315728	BERNAMA
10-Jul	Pertuduhan rasuah, perubahan wang haram: Adam Radlan kemuka representasi	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1109447/pertuduhan-rasuah-pengubahan-wang-haram-adam-radlan-kemuka-representasi	HARIAN METRO
10-Jul	Adam Radlan kemuka representasi berhubung pertuduhan rasuah, perubahan wang haram	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/adam-radlan-kemuka-representasi-berhubung-pertuduhan-rasuah-pengubahan-wang-haram	BERITA RTM
10-Jul	Ditipu penjual durian, pengguna disaran lapor KPDN	https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/09/ditipu-penjual-durian-pengguna-disaran-lapor-kpdn	UTUSAN BORNEO

10-Jul	Lapor KPDN jika ditipu penjual durian	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2024/07/1109466/ lapor-kpdn-jika-ditipu-	HARIAN METRO
10-Jul	KPDN Melaka buru peniaga durian 'scammer'	https:// malaysiagazette.com/2024/07/09/kpdn- melaka-buru-peniaga-	MALAYSIA GAZETTE
10-Jul	DITIPU PENJUAL DURIAN, PENGGUNA DISARAN LAPOR KPDN	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2315780	BERNAMA
10-Jul	Penipuan jualan durian: KPDN janji siasatan dalam 24 jam	https:// www.malaysiakini.com/ news/711344	MALAYSIA KINI
10-Jul	KPDN SEIZES 222 KG OF SUBSIDISED COOKING OIL IN KULIM	https://malaysiantribune.com/ kpdn-seizes-222-kg-of-subsidised -cooking-oil-in-kulim/	MALAYSIAN TRIBUNE
10-Jul	Thai man charged, caught in possession of 280 litres petrol	https://thesun.my/local-news/ thai-man-charged-caught-in- possession-of-280-litres-petrol- CM12697454	THE SUN
10-Jul	Lelaki warga Thai didakwa miliki 280 liter petrol	https://www.hmetro.com.my/ amp/ mutakhir/2024/07/1109395/ lelaki-warga-thai-didakwa-miliki-	HARIAN METRO
10-Jul	Warga Thailand mengaku tidak bersalah miliki 280 liter petrol	https://www.buletintv3.my/ jenayah/warga-thailand- mengaku-tidak-bersalah- miliki-280-liter-petrol/	BULETIN TV3
10-Jul	Lelaki Thailand didakwa miliki 280 liter petrol	https:// www.bharian.com.my/ berita/ kes/2024/07/1269000/lelaki -thailand-didakwa-miliki-280	BERITA HARIAN